



INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM (IRJSMI)

www.irjsmi.com



PERANAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH (MAIK) SEBAGAI PENGGUBAL DASAR *STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)* MASJID KETIKA PANDEMIK COVID 19

THE ROLE OF THE KEDAH STATE ISLAMIC COUNCIL (MAIK) AS A POLICY MAKER OF THE MOSQUE STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DURING THE COVID 19 PANDEMIC

Mohamad Khadafi Hj Rofie^{1*}, Syahrina Abdullah², Norazita Marina Abd Aziz³

¹ School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: khadafi@uum.edu.my

² School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: syahrina@uum.edu.my

³ Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: norazita@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 06.11.2022

Revised date: 11.11.2022

Accepted date: 20.11.2022

Published date: 12.12.2022

To cite this document:

Rofie, M. K., Abdullah, S., & Abd Aziz, N. M. (2022). Peranan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) Sebagai Penggubal Dasar *Standard Operating Procedure (SOP)* Masjid Ketika Pandemi Covid 19. *International Research of Shariah, Muamalat and Islam*, 4 (12), 01-09.

DOI: 10.35631/IRJSMI.412001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pengurusan institusi keagamaan yang efisien ketika pandemik Covid 19 adalah sangat penting dalam memastikan hal ibadah dan kegiatan seharian umat Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna. Objektif kertas kerja ini untuk membincangkan peranan pihak Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dalam menggubal dasar '*Standard Operating Procedure*' (SOP) ketika bencana Covid 19. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dan memfokuskan kepada peranan MAIK. Bagi mendapatkan data, kaedah temu bual dengan pihak MAIK telah dilaksanakan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pihak MAIK telah memainkan peranan yang besar dalam menggubal dasar SOP berkaitan ibadah umat Islam di negeri Kedah. Ketika pandemik Covid-19, MAIK berjaya menangani hal ehwal ibadah dan kegiatan umat Islam dengan baik dan berkesan. Justeru, penambahbaikan juga perlu dibuat agar pengurusan dasar SOP ketika wabak dapat diuruskan dengan lebih efisien dan cekap pada masa akan datang.

Kata Kunci:

Pengurusan Institusi Agama, Pandemi Covid 19, '*Standard Operating Procedure*' (SOP)

Abstract:

During the Covid 19 outbreak, religious institution administration is critical to ensure that Muslims' worship and daily activities are correctly carried out. The purpose of this study is to explore the role of MAIK management in creating the 'Standard Operating Procedure' (SOP) policy during the Covid 19 pandemic. This research is conducted in a qualitative manner and focusing on Kedah Islamic Religious Council (MAIK). Interviews with the Kedah Islamic Religious Council (MAIK) were conducted in order to acquire data. According to the findings, MAIK had a significant role in developing and executing SOP policies pertaining to Muslim worship in the state of Kedah. As a result, MAIK's management approach for dealing with Muslim worship and activities has been successfully executed. However, modifications must be made so that SOP regulations may be managed more efficiently and effectively during pandemics in the future.

Keywords:

Religious Institution Management, Pandemic Covid-19, Standard Operating Procedure (SOP)

Pengenalan

Peranan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) penting dalam menguruskan program, aktiviti dan hal ehwal agama yang berkaitan dengan agama Islam seperti penyelarasan tindakan di masjid, surau dan institusi agama. Penularan virus Covid 19 yang melanda Malaysia pada awal tahun 2020 telah merubah corak pengurusan institusi masjid dan ibadah umat Islam kerana perlu akur dengan Peraturan Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh kerajaan. MAIK telah memainkan peranannya menangani masalah umat Islam ketika pandemik Covid 19. Beberapa isu yang perlu ditangani dengan segera ketika PKP antaranya isu ibadah, pengurusan jenazah, isu sosial ekonomi umat Islam, isu bantuan kepada asnaf, isu pengurusan harta wakaf, isu perkahwinan dan lain-lain. MAIK pastinya berperanan untuk memastikan umat Islam yang terjejas dengan pendemik ini dapat meneruskan aktiviti ibadah dengan baik, terkawal serta selamat. Maka, kertas kerja ini akan membincangkan peranan pengurusan MAIK sebagai penggubal dasar dari aspek kegiatan ibadah di masjid. MAIK sebagai institusi agama di negeri Kedah perlu melakukan usaha yang terbaik untuk merancang, melaksanakan dan membuat kawalan dalam mendepani penyebaran virus. Menurut Hakimul & Vissa, (2020), institusi agama harus melakukan usaha yang terbaik untuk merancang, melaksanakan dan membuat kawalan dalam mendepani penyebaran virus. Selain itu, institusi agama juga dapat menyalurkan bantuan kepada masyarakat yang terjejas walaupun pada kadar paling minima (Hamizul A. H., 2020). Ketika wabak pandemik Covid 19 melanda, terdapat isu yang telah menyebabkan berlaku perubahan kepada tindakan dari aspek peranan institusi agama yang berbeza daripada peranan kebiasaan yang dilakukan sebelum pandemik dari sudut peranan dalam menggubal dan melaksanakan ketetapan dasar serta kaedah dan medium yang digunakan (Noor Dzuhaidah, 2020). Justeru satu penelitian terhadap isu yang wujud ini wajar dilaksanakan.

Objektif Kertas Kerja

Objektif kertas kerja ini membincangkan peranan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dalam menggubal dasar '*Standard Operating Procedure*' (SOP) ketika bencana Covid 19.

Justeru, kertas kerja ini membincangkan peranan yang dimainkan oleh pembuat dasar iaitu MAIK berkaitan kegiatan ibadah umat Islam di negeri Kedah ketika pandemik Covid 19. Ini adalah kerana peranan pengurusan oleh MAIK adalah sangat besar dalam memastikan kegiatan ibadah masyarakat Islam di Kedah dapat dilaksanakan mengikut ketetapan SOP yang dibenarkan.

Ulasan Karya

Pengurusan Islam bertujuan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat bagi manusia berpandukan al-Qu'ran dan al-Sunnah yang telah diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW kepada umat manusia untuk mencapai matlamat tertinggi iaitu keredhaan Allah SWT (Muis et al., 2020; Remly et al., 2020; Sidek, 2021; Yassin, 2020). Sesungguhnya Islam telah menggariskan perundangan yang amat lengkap, sempurna dan terperinci bagi panduan manusia untuk menjadi hamba di atas muka bumi ini.

Konsep Pengurusan Islam

Pengurusan Islam perlu diperkenalkan di dalam entiti Islam kerana ia merupakan proses untuk meletakkan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan menyeluruh dalam mengimplementasikan tindakan dan aktiviti sosial yang berteraskan Islam (Esa et al., 2017; Idris, Zakaria, Long, & Salleh, 2019; Rameli, Amin, Man, Aris, & Abd Wahab, 2019; Rasol & Malkan, 2019; Salim, 2020; Salleh & Reza, 2019). Selain daripada itu pengurusan Islam bertujuan memantapkan proses pencarian ilmu terutama dalam kalangan umat Islam dan kerangka berfikir ummah agar ia bertunjang kepada pemikiran Islam sebenar.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)

Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) yang ada kini telah ditubuhkan pada tahun 2008 mengikut seksyen 4 (1). Maka hendaklah ada suatu badan bernama "Majlis Agama Islam Negeri Kedah" untuk Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (Enakmen 2008) iaitu undang-undang utama semasa yang diguna pakai dalam mentadbir urusan hal ehwal agama Islam negeri Kedah. Enakmen 2008 memperuntukkan identiti MAIK sebagai perbadanan boleh diubahsuai mengikut keperluan atau seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Enakmen ini juga memperuntukkan tanggungjawab MAIK adalah untuk membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di negeri Kedah selaras dengan Hukum Syarak.

Tanggungjawab yang sama juga diperuntukkan di dalam Perlembagaan negeri Kedah di bawah Perkara 33B (1) dan (2), iaitu untuk menolong dan memberi nasihat secara berterusan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah selaku Ketua Agama Islam negeri dalam melaksana bidang kuasa agama Islam (Ahli Sunnah Waljama'ah) di negeri Kedah. Bagi melaksana tanggungjawab ini, MAIK membuat dan melaksana dasar-dasar berkaitan dengan agama Islam berpandukan kepada Hukum Syarak.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temu bual untuk tujuan untuk mendapatkan maklumat tentang peranan penggubal (MAIK) dalam menangani isu dihadapi oleh umat Islam di negeri Kedah ketika pandemik Covid 19. Melalui kaedah temu bual yang dilaksanakan ini, seramai seorang responden yang mewakili MAIK telah ditemu bual untuk mendapatkan data kajian. Responden memegang jawatan sebagai Ketua Penolong

Pengarah bahagian pusat masjid dan surau, Hal Ehwal Agama Negeri Kedah serta terlibat secara langsung dengan penggubalan dasar SOP ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada awal tahun 2020.

Temubual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang kaedah dan strategi yang dilaksanakan oleh MAIK sebagai penggubal dasar. Bagi kajian ini, penyelidik turut mendapatkan maklumat melalui soalselidik semi berstruktur yang dibina oleh penyelidik yang melibatkan sesi temubual untuk mendapat maklumat yang mendalam tentang peranan MAIK ketika pandemik Covid 19. Set soalan kualitatif adalah berbentuk soalan semi berstruktur dan *open ended* yang menjawab objektif kajian. Kemudian data dan maklumat yang diperolehi akan ditranskrip dan kemudian akan dianalisa oleh penyelidik (Corbin & Strauss, 2015 ; Patton, 2015).

Analisis Dapatan Kajian

Peranan institusi agama penting di dalam menangani pandemik Covid 19 berkaitan dengan soal kebajikan dan sokongan aktiviti serta bantuan bagi masyarakat Islam di negeri Kedah. Sehubungan dengan itu, peranan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) menjadi peneraju utama dalam menasihati dan membimbing penggubalan dasar yang bersesuaian dan berkesan bagi menangani isu penularan wabak Covid 19 ini di daerah dan mukim yang terdapat di dalam negeri Kedah khususnya. Semasa pandemik Covid 19 ini, pihak Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) telah memainkan peranan untuk menyelesaikan isu peribadatan dan pemberian bantuan umat Islam dalam mendepani pandemik Covid 19.

Peranan Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) Sebagai Penggubal Dasar

Bahagian penggubal dasar meliputi pengurusan masjid dan surau yang melibatkan tadbir urus bahagian pengurusan pandemik Covid 19. Kedudukan MAIK penting melakukan penyelarasan dan penyeliaan terhadap SOP Covid 19 di mana ia melibatkan jemaah dan aktiviti yang terlibat ketika pandemik Covid 19 tersebut. Penggubal dasar menyatakan tentang keberkesanan tadbir urus yang berlandaskan kepada Enakmen Hal Ehwal Agama Islam 2008 Negeri Kedah untuk menjamin kemaslahatan ummah dan Seksyen 59 sehingga Seksyen 68 khusus untuk masjid dan sekolah. Dalam kedudukan penggubal undang-undang MAIK memberikan dan menurunkan kuasa kepada JHEAIK agar penggubalan dasar SOP Covid 19 dapat dilakukan dengan lebih efisien dan dipercepatkan.

Antara petikan yang dinyatakan oleh penggubal dasar meliputi pemberian hak dan kuasa bagi mengimplementasikan pengurusan dan keberkesanan tadbir urus dalam MAIK untuk pembangunan masyarakat Islam.

“...untuk dasar keseluruhan, yang penggubal dasar ialah Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Jadi kita ni ada dua lah. Macam saya duduk di Jabatan Agama Hal Ehwal Islam. Kita ada pelaksana dasar. Oleh itu, yang buat ni Majlis Agama Islam. Dia tertakluk kepada enakmen agama Islam 2008. Enakmen ni kalau nak rujuk, boleh tengok di laman web mahkamah. Jadi, berdasarkan kepada enakmen tu. Kalau untuk sekolah dan masjid ni, kita di dalam enakmen itu lah. Bermula daripada seksyen 59 sampai seksyen 68. Jadi kita tertakluk semua kepada arahan Majlis. Jadi apa-apa dasar tu kita kena rujuk kepada Majlis lah. Jadi punca kuasa dia, perlaksanaan yang

laksanakan sekarang ni ialah Majlis memberi kuasa kepada, penurunan kuasa kepada Jabatan Agama Islam.”

(Responden 1)

Kedudukan MAIK sebagai penggubal dasar penting dalam melaksanakan peranan dan tugasnya sepanjang pandemik Covid 19 melanda negara antaranya ialah:

i) Penyelarasan dan penyeliaan terhadap SOP Covid 19.

Ia melibatkan penyelarasan terhadap aktiviti yang terlibat ketika tempoh Peraturan Kawalan Pergerakan (PKP) ketika itu. Penggubal dasar menyatakan tentang keberkesanan tadbir urus yang berlandaskan kepada Enakmen Hal Ehwal Agama Islam 2008 Negeri Kedah untuk menjamin kemaslahatan ummah dan Seksyen 59 sehingga Seksyen 68 khusus untuk masjid dan sekolah. Dalam kedudukan penggubal undang-undang, MAIK memberikan dan menurunkan kuasa kepada JHEAIK agar penggubalan dasar SOP Covid 19 dapat dilakukan dengan lebih efisien dan cekap. Berikut ialah petikan yang dinyatakan oleh MAIK meliputi pemberian hak dan kuasa bagi mengimplementasikan pengurusan dan keberkesanan tadbir urus ketika PKP:

“...untuk dasar keseluruhan, penggubal dasar ialah Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Jadi kita ni ada dua lah. Macam saya duduk di Jabatan Agama Hal Ehwal Islam. Kita ada pelaksana dasar. Oleh itu, yang buat ni Majlis Agama Islam. Dia tertakluk kepada enakmen agama Islam 2008. Enakmen ni kalau nak rujuk, boleh tengok di laman web mahkamah. Jadi, berdasarkan kepada enakmen tu. Kalau untuk sekolah dan masjid ni, kita di dalam enakmen itu lah. Bermula daripada seksyen 59 sampai seksyen 68. Jadi kita tertakluk semua kepada arahan Majlis. Jadi apa-apa dasar tu kita kena rujuk kepada Majlis lah. Jadi punca kuasa dia, perlaksanaan yang laksanakan sekarang ni ialah Majlis memberi kuasa kepada, penurunan kuasa kepada Jabatan Agama Islam.”

(Responden 1)

ii) Perbincangan dengan MKN dengan pihak berautoriti.

Pihak MAIK juga berperanan mengadakan perbincangan dengan pihak terlibat seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mendalami dan mengenal pasti kaedah perlaksanaan untuk SOP Covid 19.

“Yang asas dia daripada MKN dan jawatankuasa keselamatan negeri Kedah. Contohnya macam jumlah orang yang nak sembahyang Jumaat kemudian dari segi susun atur jemaah dan sebagainya yang tu MKN bagi kepada negeri lah. Jadi, negeri yang buat keputusan. Dalam merangka SOP ni, kita merujuk kepada Mufti. Berdasarkan keputusan fatwa, contoh macam solat Jumaat, mufti dah bawak keluar satu keputusan fatwa jadi kita ikut yang mufti. Kemudian, dalam nak keluarkan SOP dari semasa ke semasa

pun kita panggil wakil daripada jabatan mufti untuk mesyuarat sekali lah sebelum kita keluarkan SOP tu.”

(Responden 1)


Daripada maklumat yang diperoleh daripada temu bual berasama MAIK, Jawatankuasa Keselamatan Negeri Kedah (JKNK) terdiri daripada beberapa wakil yang berkepentingan dan berkedudukan dalam memberikan input dan pandangan dalam menyediakan SOP Covid 19. Jawatankuasa ini terdiri daripada Wakil Agensi Tertentu Negeri, Pejabat Agama Daerah, Pegawai Undang-undang Majlis, Wakil Majlis, Wakil MKN dan Wakil KKM. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri akan dihadiri oleh wakil-wakil ini dengan berdasarkan arahan perintah Kerajaan Negeri Kedah (Mohamad Khadafi et. al, 2021).

iii) Bertanggungjawab melaksanakan arahan dari Kerajaan Negeri

MAIK melaksanakan tanggungjawab berdasarkan kepada arahan dan perintah Kerajaan Negeri yang diwakili oleh Menteri Besar dan Pejabat Mufti serta majlis Fatwa negeri Kedah dalam menggubal dasar yang berkaitan dengan SOP Covid 19 ini. Walau bagaimanapun, kedudukan kedua pihak ini merupakan sebagai badan yang berautoriti dalam memegang tampuk pemerintahan kuasa yang dinaungi oleh Sultan Kedah sendiri. Pihak MAIK perlu juga mendapatkan pandangan dan nasihat dari Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang diwakili oleh pihaknya. Dalam Jawatankuasa Keselamatan Negeri inilah semua perbincangan dan persefahaman pandangan dibincangkan bagi melaksanakan SOP Covid 19 untuk tujuan peribadatan, pemantauan dan mengimplementasikan pengurusan ibadah bagi masyarakat Islam.

iv) Menyelaraskan dan menghebahkan maklumat kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK).

Dalam melaksanakan tugasnya, MAIK berperanan menyelaras dan menghebahkan segala maklumat berkaitan dasar yang digubal oleh MAIK kepada pihak JHEAIK. JHEAIK akan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) mengikut peraturan dan pekeliling yang dihebahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Dasar-dasar ini juga akan merujuk kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN). Selaku pelaksana dasar, satu SOP yang jelas, teratur dan sistematik wajar dipatuhi oleh semua pegawai JHEAIK, pentadbir masjid dan surau serta umat Islam. Ringkasan mengenai kedudukan Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan MAIK serta JHEAIK dapat dilihat di dalam ilustrasi rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Jawatankuasa Keselamatan Negeri Kedah

(Sumber: Mohamad Khadafi, Mohd Akram, Norazita Marina & Syahrina, 2021)

Rajah ini menunjukkan kedudukan Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan Negeri Kedah. MAIK melaksanakan tanggungjawab berdasarkan kepada arahan dan perintah Kerajaan Negeri yang diwakili oleh Menteri Besar dan Pejabat Mufti serta majlis Fatwa negeri Kedah dalam menggubal dasar yang berkaitan dengan SOP Covid 19 ini. Walau bagaimanapun, kedudukan kedua pihak ini merupakan sebagai badan yang berautoriti dalam memegang tampuk pemerintahan kuasa yang dinaungi oleh Sultan Kedah sendiri. Pihak MAIK perlu juga mendapatkan pandangan dan nasihat dari Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang diwakili oleh pihaknya. Dalam Jawatankuasa Keselamatan Negeri inilah semua perbincangan dan persefahaman pandangan dibincangkan bagi melaksanakan SOP Covid 19 untuk tujuan peribadatan, pemantauan dan mengimplementasikan pengurusan ibadah bagi masyarakat Islam.

Kesimpulan dan Perbincangan

Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) telah melaksanakan peranan sebagai penggubal dasar bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam berkaitan dengan pengurusan hal ehwal agama Islam ketika pandemik Covid 19. Selain itu, peranan MAIK tidak hanya tertumpu kepada aspek ibadah sahaja, ia juga turut berperanan sebagai institusi yang membantu masyarakat dari aspek sosial ekonomi umat Islam seperti bantuan kepada ahli masyarakat yang memerlukan dan sebagainya. Namun begitu, MAIK juga perlu untuk sentiasa peka dan melakukan anjakan perubahan agar pengurusan dasar SOP ketika wabak dapat diuruskan dengan lebih efisien dan cekap pada masa akan datang. Justeru, peranan yang dilaksanakan oleh pihak MAIK ketika pandemik Covid 19 wajar diberi pengiktirafan.

Penghargaan

Pihak penyelidik ingin memberi penghargaan kepada RIMC UUM atas dana GERAN KHAS yang diperuntukan serta kepada semua responden dari Majlis Agama Islam Kedah dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah atas maklumat yang disediakan ini.

Rujukan

- Corbin, J. & Strauss, A. (2015). *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedure for Developing Grounded Theory*, 4th ed. London: SAGE Publications.
- Esa, M., Abdullah, A. A., & Deuraseh, N. (2017). Implementasi Konsep Pengurusan Dakwah Satu Tinjauan Awal Di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). *Sains Insani*, 2(2), 10-19.
- Hakimul Ikhwan & Vanissa Ita Yulianto (2020). Bagaimana agama dan pemimpin agama berperan memerangi pandemi COVID-19, *The Convention, Academic Regiour, Journalist Flair*, <https://theconversation.com/eu>, diakses pada 5 Oktober 2021.
- Hamizul Abdul Hamid (2020). Peranan zakat dalam pandemik Covid-19, <https://www.utusan.com.my/gaya/2020/08/peranan-zakat-dalam-pandemik-covid-19/>, diakses pada 10 September 2021.
- Idris, M., Zakaria, W. F. A. W., Long, A. S., & Salleh, N. (2019). Kualiti Kerja dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam. *International Journal of Islamic Thought*, 15, 60-70.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah, Maklumat JHEAIK, dicapai pada 15 Oktober 2021 di www.JHEAIK.com.my.
- Mohamad Khadafi Hj. Rofie, Mohd Akram Dahalan, Norazita Marina A. Aziz & Syahrina Abdullah. (2021). Laporan Akhir Kajian: Peranan Institusi Islam Negeri Di Utara Semenanjung Dalam Pengurusan Pandemik Covid 19, Universiti Utara Malaysia.
- Muis, A., Alias, M. S., Kamaruding, M., & Mokthar, M. Z. (2018). Islamic perspective on human development management: A philosophical approach. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 543-552.
- Muis, A., Marinsah, S. A., & Asis, A. (2020). Application of Islamic Values in the Training Programs in Human Management at Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(5), 273-280.
- Noor Dzuhaidah Othman (2020). Perubahan Pengalaman Penganut Agama Sejak Covid 19, *Berita Astro Awani*, 5 April 2021, astroawani.com/berita-Malaysia, di akses pada 10 Oktober 2021.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative Research and Evaluation Methods* (4 ed.). London, UK: Sage.
- Rameli, M. F. P., Amin, S. M., Man, N. C., Aris, N. M., & Abd Wahab, N. A. (2019). Pengurusan Kewangan Islam dalam Kalangan Muslimpreneurs menurut Perspektif Ilmuwan Islam di Malaysia. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 6, 79-85.
- Rasol, L. A., & Malkan, S. N. A. (2019). Amalan pengurusan kualiti menurut perspektif konvensional dan Islam: Suatu kajian strategi. *Gading Journal for Social Sciences (e-ISSN 2600-7568)*, 22(00), 143-149.
- Remly, M. R., Kadir, M. N. A., Othman, F., & Sabaruddin, S. A. (2020). Prinsip Sosial Dalam Pengimarahannya Masjid: Kajian Di Masjid Bertaraf Cemerlang (Social Principles In The Mobilisation Of Mosque Institutions: A Case Study On Excellent Mosques). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 12(1), 1-15.

- Salim, S. S. (2020). Kefahaman Pengetua Cemerlang Terhadap Amalan Pengurusan Islam Sekolah: The Understanding of Principal in Islamic Management at School. 'Abqari Journal, 22(1), 71-85.
- Salleh, M. F. M., & Reza, T. S. (2019). Contribution of Islamic Management in Building Ethics in Organizations: Sumbangan Pengurusan Islam dalam Etika Bangunan dalam Organisasi. The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS), 6(2), 185-194.
- Sidek, T. (2021). Membudayakan Cara Membuat Keputusan Berteraskan Maqasid Syariah Dalam Pengurusan Organisasi Islam. International Journal of Humanities Technology and Civilization, 15-26.
- Yassin, K. M. (2020). Prinsip Etika Dan Implementasinya Dalam Pentadbiran Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN). Jurnal Dunia Pengurusan, 2(1), 23-32.